



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PROSES PENGISIAN KEKOSONGAN OLEH
URUS SETIA PENGAMBILAN
DI KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7 (a)

**Iklan adalah dibukakan kepada Orang Ramai dan Pegawai-Pegawai dan
Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam
Negara Brunei Darussalam.**

PENOLONG PEGAWAI PROJEK TINGKAT I (C.3-4 EB.5)

**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

1. Syarat-Syarat Am:

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.

2. Sila Ambil Perhatian:

- (A) Bagi mengetahui perkembangan kedudukan permohonan, sila lihat ruang "Kedudukan Permohonan" dan klik "Status Permohonan". Jika terdapat status menyatakan "Dipanggil Ujian" atau "Dipanggil Temu duga", sila semak ruang "Kalendar Saya" dan klik pada jawatan yang berkenaan.
- (B) Hanya pemohon yang memenuhi syarat **KELAYAKAN MINIMUM** akan dipanggil Ujian dan / atau dipanggil Temu duga.



**PENOLONG PEGAWAI PROJEK TINGKAT I
JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
C.3-4 EB.5 (\$1,990-\$2,970 EB KHAS \$3,040-\$3,320 SEBULAN)
KEKOSONGAN = SATU (01)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) *BDTVEC / BTEC* Diploma Tertinggi Kebangsaan (*HND*) atau sebanding dalam bidang *Project Management* atau bidang bersesuaian.

ATAU

- b) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan sebagai Penolong Pegawai Projek Tingkat II atau dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji C.2 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun atau dalam tangga gaji C.1 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

DI JABATAN JALAN RAYA:

1. Membantu mengumpulkan data / maklumat dan menyediakan perangkaan dan statistik berkaitan dengan projek-projek di bawah Jabatan dan Kementerian;
2. Menyediakan laporan-laporan yang berkaitan dengan projek yang diberikan;
3. Membantu menyelaras dan menyediakan cadangan-cadangan projek Jabatan dan yang melibatkan Jabatan;
4. Menyemak bayaran-bayaran kemajuan kerja;
5. Menilai kedudukan-kedudukan projek dan membuat laporan termasuk membantu mengumpulkan laporan kemajuan bulanan bagi projek-projek di bawah Rancangan Kemajuan Negara (RKN) yang dikendalikan oleh Jabatan;
6. Membantu pegawai-pegawai dalam penyediaan laporan Kementerian dalam bentuk *Infographic*, *Powerpoint* dan sebagainya;



7. Membantu menyelaras, memantau proses dan pelaksanaan hal-hal berkaitan dengan sebut harga dan tawaran;
8. Membantu dalam penyediaan *Purchase Order* dan *Warrant* dan yang berkaitan dalam sistem *TAFIS 2.0*;
9. Sebagai setiausaha bagi mesyuarat Jawatankuasa Sebut harga, Pesanan Perubahan dan Lanjutan Masa; dan
10. Tugas-tugas lain yang diarahkan dari semasa ke semasa.